

30/04/1997

Sajak futuristik untuk 800 peserta

KIRA-KIRA 800 peserta dan tetamu undangan majlis perasmian Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di sini, dihidangkan dengan sebuah sajak pendek yang berbentuk `futuristic'.

Pengerusi jawatankuasa kongres, Datuk Noordin Sopiee, dalam ucapan alu-aluannya yang berbentuk sajak itu, berkata generasi akan datang pasti terkejut apabila mengetahui pernah ada seorang pemimpin yang berani dan bersemangat tinggi 100 tahun sebelum mereka.

Katanya, pemimpin itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melahirkan satu wawasan luar biasa dan bukan sahaja diterima rakyat yang diterajunya, malah mereka bersama-sama berusaha untuk menjayakannya sehinggalah Malaysia maju seperti apa yang mereka nikmati.

Noordin, yang juga Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), berkata apabila sejarawan menulis sejarah negara kira-kira 100 tahun dari sekarang, mereka pasti akan sedar betapa rakyat Malaysia pada ketika itu amat terhutang budi kepada generasi sekarang.

"Ini kerana segala kejayaan dan kemajuan yang mereka nikmati adalah hasil wawasan luar biasa yang dicetuskan Perdana Menteri sekarang dan dijayakan bersama-sama dengan rakyat yang diterajunya," katanya pada perasmian kongres itu oleh Dr Mahathir

Berikut sajak yang dibaca oleh Noordin:

"Seratus tahun dari hari ini, ketika sejarawan menulis sejarah negara kita, mereka akan menyatakan pada akhir generasi pertama Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, beberapa perkara yang luar biasa telah berlaku."

(END)